

GARIS PANDUAN PERUNDANGAN BERKAITAN PASCA COVID-19 DI MALAYSIA: SATU KUPASAN

MOHD FAROK MAT NOR

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang (FSU)
Universiti Islam Selangor (UIS)
mohdfarok@uis.edu.my

PROF. MADYA DR. NOR 'ADHA AB HAMID

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang (FSU)
Universiti Islam Selangor (UIS)
noradha@uis.edu.my

NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang (FSU)
Universiti Islam Selangor (UIS)
nurzulfah@uis.edu.my

DR. NORZIAH OTHMAN

Fakulti Pengurusan Dan Muamalah (FPM)
Universiti Islam Selangor (UIS)
norziah@uis.edu.my

DR. NURKALIZA KHALID

Fakulti Multimedia Kreatif & Komputeran (FMKK)
Universiti Islam Selangor (UIS)
nurkhaliza@uis.edu.my

ABSTRAK

Sejarah tercatat bermulanya kisah duka di Malaysia sekitar 18 Mac 2020 akibat wabak penyakit virus Corona 2019 (yang dikenali sebagai Covid-19) dan seterusnya pelaksanaan perintah darurat yang diisytiharkan oleh Kerajaan, maka bermulanya penguatkuasaan Ordinan Darurat digunapakai di negara ini. Penulisan kerta kerja ini bertujuan untuk menyingkap sejarah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia dalam menghadapi pandemik COVID-19 dan penguatkuasaan perundangan melalui kementerian yang berkaitan dalam mengaplikasikan undang-undang norma baharu dalam kehidupan harian rakyat Malaysia. Kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kewangan (KK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKDM), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (KTSTI) dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Sebagai kumpulan penyelidik dari UIS di bawah geran FRGS 2022-1 KPT (FRGS/1/2022/SS10/KUIS/03/1) yang bertajuk 'Pembinaan Model Kehidupan Norma Baharu Pasca Pandemik Covid-19 berasaskan 'Malaysian Well-Being Index', salah satu dari objektif kajian ialah mencadangkan satu garis panduan perundangan hasil daripada penguatkuasaan undang-undang yang berlaku di sepanjang tempoh pandemik Covid 19 yang lalu. Hasil dapatan awal kajian melalui perbincangan meja bulat (RTD) yang dihadiri oleh wakil-wakil di setiap Kementerian telah memperlihatkan terdapat beberapa kelompongan undang-undang yang berlaku khususnya melalui pelaksanaan tatacara pengendalian piawai (SOP) yang kurang berkesan. Sebarang kelompongan atau kekaburan yang membawa kepada penambahbaikan amatlah perlu untuk kita dalam menghadapi musibah yang berpunca dari penyakit ini pada masa akan datang nanti. Penulisan ini ingin mencadangkan supaya satu garis panduan yang lebih berkesan serta mengambil kira tahap kemampuan Kerajaan dan rakyat Malaysia agar ianya membawa manfaat kepada semua pihak. Memanglah tepat, ujian dari Tuhan ini adalah tidak pernah berlaku dalam lipatan sejarah masyakat dunia tetapi ianya telah pun berlaku dan kita mesti belajar sesuatu

daripadanya serta kita perlu lebih bersedia jika ujian ini hadir pada masa hadapan meskipun dalam bentuk yang berbeza dari pandemik ini.

Kata kunci: Covid 19, kerajaan, penguatkuasaan perundangan, garis panduan, undang-undang

PENGENALAN

Wabak virus maut ini dikenali sebagai 'COVID-19' selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi nama rasmi baharu bagi *coronavirus*. Ketua WHO pada ketika itu iaitu Tedros Adhanom Ghebreyesus menyatakan nama yang dipilih ialah 'COVID-19' sebagai singkatan Co untuk Corona, Vi untuk virus dan D untuk penyakit (disease). (WHO, 2020) (Berita Harian, 2020)

COVID-19 ini dikatakan berpunca dari pasar makanan laut China, selatan daerah Wuhan, wilayah Hubei, negara China pada sekitar Disember 2019 dan akhirnya pasar ini diarahkan supaya ditutup pada 1 Januari 2020 (Ashgar Ali Ali Mohamed et.al, 2021). Penutupan pasar ini tidak berakhir begitu sahaja. Wabak maut ini terus merebak ke serata dunia dan negara Malaysia tidak terkecuali menerima kesannya bermula sekitar 25 Januari 2020, apabila 3 warga China dikesan pembawa wabak ini memasuki Malaysia, dari Singapura melalui Johor. (Berita Harian, 2020) Akhirnya, pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan virus maut ini sebagai pandemik. (WHO, 2020)

Bagi mengekang penularan wabak ini, kerajaan negara kita mula melaksanakan arahan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (dikenali sebagai PKP) bermula 18 Mac 2020. Pengawasan jangkitan adalah penting bagi memastikan hospital-hospital dan pusat-pusat kuarantin mencukupi di seluruh negara. Rentetan dari arahan PKP ini, seterusnya, pihak Kerajaan telah menguatkuasakan 4 fasa PKP, 2 fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei 2020 bertujuan menaikkan semula ekonomi negara bagi membolehkan sektor dan aktiviti ekonomi beroperasi dalam keadaan terkawal. Seterusnya, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) menggantikan PKPB pada sekitar Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 bertujuan membenarkan orang ramai menghadiri aktiviti keagamaan, mesyuarat, konvensyen dan pameran, pameran pelancongan dan perdagangan, spa, pusat kesihatan dan refleksologi, pra-sekolah Kerajaan dan swasta, tadika, taska dan pusat jagaan yang disediakan secara patuh dengan langkah penjarakan sosial yang ketat seperti mengehadkan orang ramai kepada 200-250 orang, memeriksa suhu pelanggan, memakai topeng muka, dan menyediakan pembersih tangan. (MKN, 2020) (Ashgar Ali Ali Mohamed et.al, 2021).

Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia (pada ketika itu), melalui media massa pada 23 April 2020 telah memberikan ucapan rasmi secara langsung melalui siaran berita yang mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan berkuat kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344). Antara badan pelaksana yang memainkan peranan penting penguatkuasaan PKP ialah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah majlis yang bertindak untuk mengeluarkan garis panduan sepanjang tempoh PKP berlangsung. Kemuncaknya, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) memperkenankan untuk mengisytiharkan darurat bagi seluruh bahagian Persekutuan berkuat kuasa dari 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021 melainkan kes dikawal lebih awal. (Astro Awani, 2021).

Dua ordinan yang telah dibuat di bawah Perisytiharan Darurat 2021 untuk menangani COVID-19. Ordinan tersebut ialah Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 P.U.(A) 12 dan Ordinan Darurat (Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 P.U.(A) 76. (Faridah Jalil, 2021). Ordinan Darurat (Kuasa Penting) 2021 diwartakan pada 14 Januari 2021 yang telah digubal mengikut Perkara 150 (1) Perlembagaan Persekutuan sebagai satu langkah drastik bagi membendung penularan COVID-19 di seluruh bahagian Malaysia. Seterusnya, mulai 11 Mac, menurut Ordinan Kecemasan (Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021, mana-mana individu yang melanggar prosedur standard pematuhan (SOP) yang ditetapkan untuk pencegahan dan kawalan COVID-19 pandemik boleh didenda sehingga RM10,000. Ordinan itu juga menggariskan bahawa mana-mana perbadanan atau syarikat yang melanggar SOP boleh didenda sehingga RM50,000. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Penting) (No. 2) 2021 juga akan digunakan semasa tempoh kecemasan untuk menangani maklumat salah dan individu yang mencipta, menerbitkan atau menyebarkan berita palsu COVID-19 atau pada pengisytiharan darurat akan dikenakan hukuman berat termasuk denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

METODOLOGI

Kertas kerja ini adalah berdasarkan dari penyelidikan Geran FRGS 2022-1 KPT (FRGS/1/2022/SS10/KUIS/03/1) yang bertajuk 'Pembinaan Model Kehidupan Norma Baharu Pasca Pandemik Covid-19 berasaskan 'Malaysian Well-Being Index'. Kajian ilmiah ini menggunakan metodologi campuran, iaitu kualitatif dan kuantitatif dengan kaedah analisis dokumen, soal selidik, pemerhatian dan temu bual separa berstruktur untuk mengumpul data, penemuan dan maklumat berkaitan kajian. Kaedah penyelidikan perpustakaan (*library research*) turut digunakan dengan merujuk kepada dokumen berkaitan seperti ordinan, akta, pekeliling, statut selain daripada bahan ilmiah yang diperolehi seperti tesis, jurnal, akhbar digital dan penulisan artikel undang-undang yang relevan sepanjang tempoh Covid-19 melanda Malaysia. Salah satu objektif kajian FRGS 2022-2024 ini ialah mencadangkan satu garis panduan perundangan hasil daripada penguatkuasaan undang-undang yang berlaku di sepanjang tempoh pandemik Covid-19 yang lalu. Seterusnya, salah satu metod yang digunakan ialah sesi perbincangan meja bulat dengan melibatkan wakil-wakil Kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kewangan (KK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKDM) dan juga Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (KTSTI).

KAJIAN LITERATUR

ASPEK PERUNDANGAN DAN GARIS PANDUAN

Hasil temubual melalui perbincangan meja bulat pada 15 Jun 2023 dan juga 28 November 2023 yang diadakan di Hotel Park Inn By Radisson, Putrajaya bersama-sama dengan wakil-wakil dari setiap Kementerian, antara lain ialah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kewangan (KK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKDM) dan juga Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (KTSTI), kita dapat mengenal pasti undang-undang yang berkaitan

digunapakai sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara Malaysia. Berikut adalah undang-undang yang dimaksudkan mengikut bidang kuasa Kementerian yang berkaitan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, terdapat Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) 2020 dan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021. Ianya dibuat selari dengan peruntukan di bawah Seksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] yang mana memperuntukkan bahawa Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, menetapkan langkah-langkah yang hendak diambil untuk mengawal atau mencegah merebaknya apa-apa penyakit berjangkit di dalam atau daripada sesuatu kawasan tempatan jangkitan. Peraturan tahun 2020 terpakai bagi kawasan tempatan jangkitan yang diisytiharkan di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) manakala peraturan 2021 menetapkan bahawa ianya terpakai bagi semua kawasan tempatan jangkitan, tertakluk kepada fasa-fasa yang ditetapkan. Berdasarkan peraturan tersebut, mana-mana individu dilarang melakukan, menganjurkan, mengusahakan atau selainnya terlibat dalam, mana-mana aktiviti terlarang seperti aktiviti taman tema air dan taman air, pelancongan ke luar negeri dan penganjuran acara dan pertandingan sukan. Seterusnya, individu juga dilarang untuk masuk atau keluar dari tempat tertakluk kepada suatu perintah kawalan pergerakan diperketat. Peraturan 11 menyatakan bahawa mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya

Seterusnya, terdapat juga Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022. Peraturan tersebut mula berkuatkuasa pada April 2022. Berbeza dari peraturan tahun sebelumnya, terdapat peruntukan khusus berkaitan “kehendak untuk memakai peranti pengesanan” di mana Peraturan 8 menetapkan bahawa mana-mana orang yang telah dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), atau mana-mana kontak perlu memakai apa-apa peranti pengesanan yang diberikan kepadanya jika diarahkan sedemikian. Garis panduan juga telah memperuntukan mengenai pengurusan stok ubat antiviral contohnya, permohonan stok ubat, penyimpanan ubat, pembekalan ubat oleh pegawai farmasi dan pelupusan stok.

KKM juga turut mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 16 Tahun 2022: Garis Panduan Peluasan Penggunaan Rawatan Ubat Antiviral Covid-19 Bagi Fasiliti/ Pengamal Perubatan Swasta. Ianya bertujuan untuk menguatkuasakan pemakaian Garis Panduan Peluasan Penggunaan Rawatan Ubat Antiviral Covid-19 Bagi Fasiliti/ Pengamal Perubatan Swasta. Berdasarkan pekeliling tersebut ubat antiviral Paxlovid telah digunakan di Malaysia sejak April 2022 untuk merawat pesakit Covid-19 yang mengalami gejala ringan hingga sederhana atau kategori 2 dan 3. Keutamaan adalah kepada pesakit Covid-19 yang berisiko tinggi. Garis panduan tersebut menyatakan bahawa pemberian Paxlovid diperluaskan ke fasiliti swasta terpilih dan diberikan secara percuma.

Sementara itu, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 14/2021 Pemakluman Arahan Pemantauan Di Rumah Bagi Kes Covid-19 Kategori 1 dan Kategori 2 (Ringan) Pengamal Perubatan Swasta menyatakan bahawa seramai 763 orang pengamal swasta (PPS) telah menerima Arahan Pelantikan di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit. Arahan pelantikan tersebut membolehkan pengamal perubatan swasta memberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) Bagi Kes Positif dan Kontak Rapat Kes Positif Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019, memakaikan gelang tangan pengawasan, memberikan Surat Pelepasan Dari Menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Tempat Kediaman dan menjalankan pemantauan di rumah. Mana-mana pengamal perubatan swasta yang tidak mempunyai Arahan Pelantikan pula hanya boleh melaksanakan khidmat pemantauan di rumah bagi kes positif Covid-19 Kategori 1 atau dengan gejala ringan (Kategori 2).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan beberapa garis panduan berkaitan Covid-19. Antaranya garis Panduan Pengurusan Kematian Disyaki Covid-19 Di Luar Hospital Semasa Pandemik. Ia disediakan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat meliputi warga kerja Kementerian Kesihatan (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/ Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) dalam mengendalikan pengurusan jenazah@mayat semasa pandemik COVID-19. Mengikut garis panduan tersebut, pihak PDRM akan menerima maklumat kematian orang awam dan menjalankan siasatan. Dalam keadaan ini, *Personal Protective Equipment* (PPE) perlu disediakan. Sekiranya kematian disyaki Covid-19, PDRM perlu menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Pihak PKD akan menjalankan siasatan lanjut. Jika si mati tidak mempunyai risiko Covid-19, kes akan diserahkan kepada pihak polis untuk mengeluarkan Permit Mengubur. Namun sekiranya kematian disyaki Covid-19, PKD perlu keluaran Perintah Bagi Pemeriksaan Mayat Bagi Kes Kematian Disayaki Covid-19. Mayat akan dibawa ke hospital dan diperiksa oleh Pegawai Perubatan JPF. Jika didapati positif Covid-19, bagi jenazah Muslim, jenazah dibenarkan untuk dimandi dan dikafankan oleh pengendali jenazah yang terlatih di hospital dengan PPE yang lengkap, solat jenazah oleh JAIN@PAID dan hanya dua (2) orang waris dengan status vaksinasi yang lengkap dan memakai PPE dibenarkan turut serta dalam urusan memandikan dan mengkafankan jenazah bersama pengendali jenazah terlatih di hospital. Bagi mayat yang dijangkiti COVID-19, proses pengawetan mayat adalah dilarang dan tidak dibenarkan untuk dieksport atau dibawa melalui laluan udara.

Selain itu, KKM juga mengeluarkan garis panduan berkenaan pekerja kesihatan yang disahkan positif Covid-19 atau disahkan sebagai kontak rapat. Berdasarkan garis panduan tersebut, selepas hari keempat kuarantin sendiri, bagi pegawai disahkan positif Covid-19, pegawai perlu menjalani ujian Covid-19. Jika didapati positif, pegawai kesihatan perlu meneruskan kuarantin sendiri sehingga hari ketujuh. Namun jika pada hari keempat ujian RTK didapati negatif, maka pegawai kesihatan tersebut dibenarkan kembali bekerja dengan syarat mengikuti SOP yang ditetapkan. Bagi pegawai yang disahkan kontak rapat pula, jika tidak mempunyai simptom, maka pegawai tersebut dibenarkan bekerja seperti biasa. Jika mempunyai symptom, ujian Covid-19 perlu dilakukan segera dan diulang pada hari ketiga. Jika pada hari ketiga ujian negatif dan symptom telah tiada, maka pegawai boleh kembali bekerja. Namun jika pada hari ketiga simptom masih ada, pegawai tersebut perlu dinilai keadaan kesihatan sebelum dibenarkan kembali bekerja.

Satu Garis Panduan Pengurusan Wabak Covid-19 Perkhidmatan Kesihatan Pergigian juga dikeluarkan yang mana ia menggariskan penyampaian perkhidmatan yang boleh dijalankan di fasiliti pergigian berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam peralihan fasa endemik Covid-19. Garis panduan tersebut menekankan sistem pengudaraan yang baik dan pemakaian PPE oleh pegawai kesihatan yang bertugas. Seterusnya, garis panduan juga menetapkan bahawa semua pesakit dan waris yang hadir perlu disaring sekiranya mempunyai sebarang gejala, dan pesakit akan dirawat mengikut jenis dan kaedah rawatan berdasarkan kategori pesakit iaitu bagi Pesakit asimptomatik boleh menjalani semua jenis rawatan pergigian manakala bagi pesakit simptomatik dan sah positif COVID-19 rawatan adalah terhad kepada rawatan kecemasan sahaja. Selain itu, pegawai kesihatan juga perlu menjalankan rawatan pergigian secara *four-handed* dengan memastikan setiap perawat dibantu dengan sekurang-kurangnya seorang Pembantu Pembedahan Pergigian.

Dalam pada itu, disebabkan warga emas adalah golongan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19 kerana faktor umur dan juga penyakit kronik, Kementerian Kesihatan turut mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Covid-19 Di Pusat Jagaan Warga Emas Berkediaman Kerajaan, Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan. Garis panduan tersebut dibuat dengan tujuan sebagai panduan kepada pengendali pusat jagaan warga emas untuk mencegah dan mengawal risiko jangkitan Covid-19 dan memastikan kesihatan penghuni kekal di tahap optima. Pengusaha pusat jagaan emas hendaklah memastikan pengamalan penjarakan sosial, meletakkan label penjarakan sosial di lantai, memastikan premis menjalankan pembersihan setiap hari, menjalankan disinfeksi secara kerap dan berkala sekurang-kurangnya tiga kali sehari dan bagi tempat yang terdedah kepada kes positif COVID-19, dekontaminasi dilakukan segera. Selain itu, jika terdapat penghuni yang mempunyai gejala, penghuni tersebut perlu diasingkan dengan segera. Dan jika penghuni kebergantungan penuh, pengendalian hendaklah dilakukan oleh kakitangan yang sama dan terhad kepada satu atau dua orang. Jika berlaku kematian secara mengejut, pihak hendaklah merujuk Garis Panduan Pengurusan Kematian Disyaki Covid-19 Di Luar Hospital Semasa Pandemik.

Seterusnya, Astro Awani (2021) ada melaporkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia juga turut mencadangkan lima peruntukan baru dan lima pindaan terhadap Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Kementerian Kesihatan membuat cadangan pindaan ke atas akta tersebut melalui Seksyen 16 Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021. Bagi cadangan pindaan, pindaan Seksyen 2(1), untuk meluaskan tafsiran pegawai diberi kuasa yang ketika ini terhad kepada Pegawai Kesihatan, Inspektor Kesihatan dan pegawai yang dilantik. Seterusnya, pindaan Seksyen 10 membolehkan pengamal perubatan memberitahu kewujudan penyakit berjangkit di mana-mana premis walaupun tanpa pengesahan diagnosis melalui ujian makmal (Berita Harian, 2021). Seksyen 24(b) pula dipinda dengan meningkatkan hukuman iaitu kepada penjara tujuh tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya, dengan mengambil kira keseriusan sesuatu wabak dan pesalah laku dari industri berskala besar (Laman Web Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia). Selain itu, Seksyen 25 dipinda dengan meningkatkan pengkompaunan kesalahan kepada tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi individu dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi pertubuhan perbadanan yang mana ia juga membolehkan pegawai diberi kuasa termasuk badan berkanun atau PBT mengeluarkan kompaun bagi kesalahan (Laman Web Rasmi Kementerian Kesihatan).

Antara cadangan KKM bagi peruntukan baharu pula adalah melibatkan Seksyen 14A yang memberi kuasa kepada seseorang pegawai membabitkan arahan berkaitan kuarantin pesakit COVID-19 atau mereka yang disyaki dijangkiti. Kedua, seksyen 15A antara lain membolehkan penggunaan teknologi terkini untuk mengawal pergerakan individu dijangkiti atau disyaki dijangkiti yang diarah menjalani pengasingan atau kuarantin. Cadangan peruntukan baharu Seksyen 21A pula menangani isu kuasa Ketua Pengarah Kesihatan yang hanya diperuntukkan bawah Peraturan-Peraturan Perintah Kawalan Pergerakan membolehkannya mengeluarkan arahan untuk tujuan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit bawah Akta 342. Seterusnya, Seksyen 22A diwujudkan bertujuan untuk membolehkan kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 342 dipertuduhkan kepada pertubuhan perbadanan dan membolehkan penalty dikenakan sekiranya berlaku perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja, atau pekerja ejen dalam masa pengajiannya atau ejennya semasa bertindak bagi pihak orang lain. Bahagian IVA pula diwujudkan bagi memperuntukkan peruntukan mengenai kesalahan boleh tangkap dan kuasa untuk menangkap (Berita Harian, 2021). Seksyen 31 pula sebagai peruntukan baru bagi punca kuasa untuk mengenakan penalti di bawah Akta 342 bagi mana-mana kesalahan yang tidak dinyatakan di dalamnya (Laman Web Rasmi Kementerian Kesihatan).

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Satu Garis Panduan Pengendalian Insiden Covid-19 Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberi penerangan dan panduan berkenaan tindakan yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan sekiranya terdapat insiden Covid-19 di Kementerian@Jabatan@Institusi@Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tindakan kawalan pencegahan penularan wabak jangkitan. Berdasarkan garis panduan tersebut, pegawai yang disahkan positif Covid-19 pegawai yang disahkan kontak rapat positif covid-19, pegawai penyelia, ketua jabatan dan pegawai KPM perlu bertindak mengikut garis panduan yang dibuat. Garis Panduan tersebut juga telah menyediakan carta alir pengendalian insiden Covid-19. Pertama, apabila pegawai disahkan positif Covid-19, pegawai tersebut dilarang hadir ke pejabat dan perlu menjalani kuarantin sendiri. Pemakluman perlu dibuat kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPM. Seterusnya, pegawai yang positif Covid-19 juga perlu menyenaraikan senarai kontak rapat dalam tempoh 14 hari. Pejabat hendaklah ditutup selama satu hari bagi tujuan proses disinfeksi. Bagi pegawai penyelia, mereka perlu menyediakan laporan insiden Covid-19 untuk dikemukakan kepada Pengurusan Tinggi KPM. Laporan tersebut perlu disediakan dalam tempoh kurang 24 jam. Untuk pegawai kontak rapat, mereka perlu menjalani kuarantin sendiri selama 10 hari dan boleh memohon pertimbangan untuk bekerja dari rumah daripada pegawai penyelia atau ketua jabatan. Pegawai yang disahkan kontak rapat hanya boleh hadir ke pejabat jika ujian pengesanan Covid-19 negatif pada hari kesebelas. Arahan atau Garis Panduan yang dikeluarkan terpakai kepada semua pegawai KPM termasuk pekerja lantikan kontrak, kontrak personel *MySTEP* dan pelajar latihan industri.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 dengan mengambil kira Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai langkah persediaan untuk pembukaan sekolah secara bersemuka. Berdasarkan garis panduan tersebut, jika terdapat kes positif Covid-19 atau kotak rapat, individu berkaitan hendaklah diasingkan di bilik yang berasingan dan makluman kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) perlu dibuat untuk mendapatkan nasihat dan arahan yang selanjutnya. Langkah berjaga seperti memakai pelitup muka, menjaga penjarakan dan kerap mencuci

tangan juga ditekankan. Bagi kes penutupan sekolah pula, berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan, sekolah perlu menerima nasihat dan arahan PKD serta membantu PKD menjalankan penilaian risiko dan mengenal pasti kontak rapat. Jika sekolah ditutup, pihak berkaitan perlu memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga dan Jabatan Pendidikan Negeri. Pihak sekolah juga perlu meletakkan notis penutupan dan tarikh pembukaan semula sekolah di pintu masuk utama sekolah.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia juga, atas saranan KKM untuk meneliti dan menyemak beberapa prosedur pencegahan penularan jangkitan Covid-19 telah mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 28 April 2023. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan, pihak yang bergejala perlu melaksanakan ujian sendiri. Jika negatif, perlu hadir ke institusi pendidikan dan digalakkan memakai pelitup muka setiap masa. Jika didapati positif, pihak tersebut tidak perlu hadir ke institusi pendidikan namun perlu menunjukkan bukti *Home Surveillance Order (HSO)* kepada pentadbir bagi tujuan rekod.

KEMENTERIAN TENAGA SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI

Menurut laman web rasmi Kementerian Tenaga Sains Teknologi dan Inovasi, *Covid-19 Immunisation Task Force (CITF)* telah ditubuhkan pada 3 Februari 2021 yang mana ia diketuai oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai Menteri Penyelaras bagi memastikan kelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk menyegerakan vaksinasi ke atas populasi dewasa negara. Sepanjang CITF dilaksanakan, Kementerian Tenaga Sains Teknologi dan Inovasi telah mengeluarkan beberapa garis panduan bagi kelancaran program CITF. Pertama ialah Garis Panduan Operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Rumah Ibadat yang dikeluarkan pada Jun 2021. Berdasarkan garis panduan tersebut, penghantaran kertas cadangan atau proposal pelaksanaan PPV rumah ibadat hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh pelaksanaan, kepada CITF Persekutuan. Pemohon juga perlu membuat cadangan kepada Jawatankuasa Pelulus Teknikal dan jawatankuasa tersebut akan menilai dan membuat keputusan sama ada meluluskan atau tidak meluluskan permohonan tersebut. Sekiranya lulu, jawatankuasa akan memaklumkan hasil penilaian dan mengesyorkan cadangan tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembukaan PPV. Mesyuarat Jawatankuasa Pembukaan PPV meluluskan permohonan dan surat pemakluman akan dikeluarkan. Walaupun begitu, jika Jawatankuasa Pelulus Teknikal tidak meluluskan, jawatankuasa akan mengesyorkan cadangan penambahbaikan dan dibentangkan semula. Dalam pada itu, garis panduan tersebut juga memperuntukkan mengenai tatacara yang antaranya ialah menutup aurat, tidak dibenarkan membawa Binatang peliharaan, menanggungkan operasi vaksinasi ketika waktu ibadat dan sebagainya. Bagi kriteria penerima vaksin pula, garis panduan tersebut menetapkan bahawa ia terdiri daripada ahli jawatankuasa rumah ibadat dan masyarakat setempat dalam lingkungan 5 km dari lokasi rumah ibadat yang terpilih, wanita mengandung tidak dibenarkan, individu yang berada di dalam tempoh kuarantin juga tidak dibenarkan. Bilik suntikan, stesen pemerhatian dan mana-mana bilik tertutup perlu disanitasi sekurang-kurangnya dua kali sehari. (Garis Panduan Operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Di Rumah Ibadat, 2021)

Garis panduan yang kedua ialah Garis Panduan Pengurusan Kolaborasi Korporat Serta Sumbangan Bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK). Garis panduan tersebut dibuat bagi memastikan PICK mencapai matlamatnya iaitu dengan berkolaborasi dengan

individu, pertubuhan bukan kerajaan/Non-Governmental Organisation (NGO) serta organisasi korporat dalam memastikan kejayaan pelaksanaan agenda nasional. Garis panduan tersebut memperuntukkan mengenai tatacara bagaimana sumbangan dibuat di Pusat Vaksinasi Kebangsaan, dengan pecahan kumpulan sumbangan bernilai kurang RM10,000 dan melebihi RM10,000 dan HCO di bawah ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd, Segala sumbangan yang dibuat pula perlu dilampirkan dengan Letter of Intent (LOI) yang menyatakan jangka masa pinjaman aset dan tempoh mengembalikan barang kepada Pihak Penaja, Delivery Order (DO) sebagai bukti / penerimaan penerima termasuk resit pengembalian yang ditandatangani oleh pihak pengurusan PPV dan Apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang memerlukan pengesahan pihak CITF.

Seterusnya, Kementerian Tenaga Sains Teknologi dan Inovasi juga turut mengeluarkan Garis Panduan Pengudaraan Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Garis panduan tersebut adalah untuk pengurusan PPV dapat memastikan kualiti udara dalaman yang baik serta mengurangkan keboleह jangkitan dan risiko pendedahan kepada penyakit yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2. Berdasarkan garis panduan tersebut, pengurusan PPV antaranya perlu memastikan pembersihan dan sanitasi dilaksanakan mengikut waktu ditetapkan, mengenal pasti laluan udara tercemar dan menutup punca atau menyekat laluan tersebut bagi memastikan aliran udara segar, bersih dan sihat serta melaksanakan “air flushing” menggunakan udara segar sekurang-kurangnya setiap 4 jam. in Manakala SOP Pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin Berskala Besar dibuat sebagai dokumen panduan tambahan kepada Prosedur Operasi Standard Pembukaan dan Pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bukan Kesihatan bagi Fasa 2 dan 3 bertujuan untuk membantu kelancaran perancangan dan pelaksanaan pemberian vaksin di PPV yang berstatus Mega di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Selain itu, antara garis panduan lain yang dikeluarkan adalah Garis Panduan Penugasan Sukarelawan Bukan Kesihatan Di PPV Di Bawah PICK, *General Guidelines For Drive Through & Mobile Vaccine Administration Centres*, Garis Panduan Pengurusan Pemberian Vaksin Kepada Warga Emas Yang Hadir Secara Walk-in, Garis Panduan Pengurusan Pemberian Vaksin Kepada Individu Bukan Warganegara, Garis Panduan Pemantauan Vaksin dan Penyediaan *Standby List* di PPV di bawah PICK dan sebagainya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11C), Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Tabung Relif Covid 19. Garis panduan tersebut dikeluarkan bagi menjelaskan kategori pemohon/sumbangan/penerima sumbangan yang layak untuk melayakkan suatu Tabung Relif COVID-19 ditubuhkan atas dasar kepentingan nasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 44(11C), Akta Cukai Pendapatan 1967. Antara sumbangan yang dibenarkan ialah sumbangan berbentuk wang tunai, peralatan dan bahan guna habis seperti *mask*, *test kit* dan *hand sanitizer*. Manakala pihak yang layak menerima sumbangan oleh pihak Tabung Relif Covid-19 adalah jabatan/agensi kerajaan, agensi bukan Kerajaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, hospital kerajaan, sekolah kerajaan, rumah anak yatim@orang tua@orang kelainan Upaya, gelandangan @ miskin tegar @ pelarian dan rumah perlindungan haiwan@zoo. Berdasarkan garis panduan tersebut,

penderma@penyumbang kepada Tabung Relif COVID-19 yang diluluskan dibenarkan potongan cukai ke atas pendapatan agregat, terhad kepada peratusan sebagaimana yang ditetapkan dalam proviso kepada Subseksyen 44(11C), Aka Cukai Pendapatan 1967 bagi tahun taksiran yang berkenaan. Ia juga menetapkan bahawa jika Tabung Relif Covid-19 yang diluluskan didapati telah melanggar syarat yang ditetapkan, maka Kementerian Kewangan pada bila-bila masa berhak menarik kelulusan tabung tersebut. Dan jika tabung dibubarkan dan mempunyai baki dalam akaun bank, bagi sumbangan wang tunai atau peralatan, hendaklah dipindahkan kepada NADMA atau Kementerian Kesihatan Malaysia, akaun tabung tersebut hendaklah dikosongkan dan ditutup dan bukti pengesahan pindahan baki wang tunai atau peralatan ke NADMA atau Kementerian Kesihatan Malaysia dan akaun bank tabung yang telah dikosongkan perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan semakan.

Selain itu, Kementerian Kewangan juga membentangkan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 (Akta 830). pindaan rang undang-undang itu bagi memperoleh kelulusan meningkatkan had siling perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang Covid-19 (KWC-19) dari RM65 bilion kepada RM110 bilion serta meningkatkan had hutang statutori daripada 60 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 65 peratus. (Harian Metro, 2021) Dari segi implikasi kewangan, rang undang-undang itu akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kerajaan sebanyak RM45 bilion.

Seterusnya, terdapat lapan pakej bantuan dan angangan ekonomi bernilai RM530 bilion telah dilaksanakan sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Menurut Menteri Kewangan pada ketika itu, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata antaranya peruntukan menerusi pakej PRIHATIN berjumlah RM1.6 bilion, RM1.4 bilion melalui Belanjawan 2021 dan peruntukan tambahan lebih RM500 juta di bawah pakej PEMERKASA Tambahan. Manakala, terdapat juga bantuan Prihatin Nasional (BPN) berjumlah RM18 bilion yang telah memanfaatkan 11 juta penerima. Inisiatif tersebut diteruskan di bawah pakej PEMULIH melalui tiga lagi program bantuan tunai iaitu Bantuan Prihatin Rakyat, Bantuan Khas COVID-19 dan Bantuan Kehilangan Pendapatan. Dalam pada itu, kerajaan turut menyediakan peruntukan berjumlah lebih RM200 juta untuk program bantuan Bakul Makanan dan di bawah inisiatif Penjaja Kerjaya 2.0, lebih 141,000 orang berjaya diambil bekerja manakala lebih 39,300 orang mendapat pekerjaan melalui Program Pekerjaan Jangka Pendek (MySTEP) yang menawarkan gaji antara RM1,400 dan RM2,000 sebulan (setakat 30 Jun 2021). (Laman Web Rasmi Kementerian Kewangan)

Sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan Malaysia pada 27 Mac 2020, pelaksanaan penangguhan pembayaran balik atau moratorium telah diluluskan secara automatik menurut Perdana Menteri pada masa itu, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Yassin (Berita Harian, 2020). Menurut beliau, moratorium dilaksanakan sebagai langkah meringankan beban rakyat dalam pembayaran balik pembiayaan sementara mereka memulihkan keadaan ekonomi mereka yang terkesan akibat COVID-19. (Muhammad Iqbal Haikal Samia'an & Muhammad Umarazizi Abu Bakar, 2022)

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)

Astro Awani (2021) melaporkan bahawa kerajaan telah mewartakan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No 2) 2021 yang telah berkuatkuasa pada 12 Mac 2021 untuk memerangi aktiviti penghasilan dan penyebaran berita tidak benar. Ordinan tersebut adalah khusus untuk mengekang aktiviti penghasilan dan penulisan berita tidak benar yang mempunyai kaitan dengan Covid-19 atau proklamasi darurat. (Sinar Harian, 2021) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No. 2) 2021 di bawah seksyen 4 memperuntukkan bahawa sebarang proses penghasilan berita tidak benar, sehingga menimbulkan ketakutan atau kebimbangan kepada orang awam, jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000, atau denda tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali. Sementara itu, menurut Perkara 5 Ordinan berkenaan, individu yang dikesan menyalurkan bantuan kewangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi membantu proses penghasilan berita tidak benar, juga boleh dikenakan pertuduhan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM500,000, atau hukuman penjara tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya sekali. (Astro Awani, 2021) Bagi mana-mana individu yang ingkar terhadap arahan untuk penghapusan berita tidak benar pula, jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000. Dalam pada itu, menurut kenyataan media Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (2021), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) serta beberapa agensi yang terlibat bertindak proaktif dalam mengekang peningkatan berita palsu terutamanya dalam konteks pandemik COVID-19 antaranya dengan pemantauan oleh Pasukan Respon Pantas bermula Mac 2020. (Kenyataan Media Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia, 2021)

Dalam pada itu, MCMC juga turut mengeluarkan Garis Panduan Serta Langkah-langkah Pencegahan Oleh Penyedia Perkhidmatan Pos yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012. Berdasarkan garis panduan tersebut, bagi kaedah penghantaran selamat, setiap prosedur penghantaran perlu dilakukan dengan menghadkan kontak bagi mengelakkan risiko jangkitan. Penjaga kaunter pula perlu sentiasa memakai penutup mulut dan hidung dan premis perniagaan perlu memaparkan garis panduan Covid-19 yang dikeluarkan oleh KKM sebagai panduan kepada pelanggan.

Selain itu, menurut Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi Dan Multimedia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengemaskini portal 'Sebenarnya.my' dengan maklumat yang sahih mengenai wabak 2019-nCov dan menangkis berita palsu yang bertabur di internet. Menurut Shaharudin Ismail, Halimaton Sa'diah Ariffin dan Zul Hilmi Abdullah (t.t.), Portal 'Sebenarnya.my' yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah pusat sehati bagi rakyat Malaysia untuk memeriksa kesahihan kandungan berita yang diterima secara maya/online melalui platform media sosial, perkhidmatan pesanan segera, blog, laman web, dan lain-lain sebelum ini berkongsi. Rakyat boleh mendapatkan maklumat mengenai wabak 2019-nCov secara terus di bawah kategori 'Coronavirus 2019 N-Cov' di portal tersebut. (Kenyataan Media Menteri Komunikasi Dan Multimedia)

Seterusnya, dalam fasa kedua pelan pemulihan negara, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah mengeluarkan kenyataan media bertarikh 20 Julai 2021 menyatakan

bahawa kelulusan untuk aktiviti penggambaran filem pada fasa dua adalah berpandukan kepada pelaksanaan syarat-syarat yang diperketatkan di bawah Protokol Gelembung Penggambaran (PREP). Inisiatif PREP adalah kawalan bersepadu aktiviti penggambaran yang bergerak dalam zon gelembung yang terasing, terkawal dan terhad melalui pematuhan syarat-syarat utama di bawah kelulusan Surat Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) FINAS. Antara syarat yang ditetapkan ialah kategori yang dibenarkan untuk meneruskan penggambaran adalah produksi drama, iklan dan dokumentari sahaja yang terdahulunya telah menanggungkan penggambaran kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di fasa Pelan Pemulihan Negara, aktiviti penggambaran hanya boleh dijalankan di negeri-negeri yang berada di status fasa dua sahaja dan melibatkan lokasi atau premis penggambaran luar studio sahaja dan kebenaran hanya diberikan kepada tenaga produksi yang telah lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19, menjalani saringan kesihatan sebelum, semasa dan selepas tamat penggambaran serta pelantikan Penyelia Protokol Penggambaran (PPP) oleh pihak produksi yang bertanggungjawab bagi pematuhan semua SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Selain itu, menerusi kenyataan media, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia menyatakan bahawa kerajaan telah meluluskan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) di mana Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dua daripada tiga fokus utama PEMULIH, iaitu meneruskan Agenda Prihatin Rakyat dan Menyokong Perniagaan dan memberi fokus kepada kesalinghubungan internet, keusahawanan digital, kelangsungan industri kreatif, serta kesihatan mental. Sebagai contoh, syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi utama seperti Celcom, Digi, dan Maxis telah bersetuju untuk melanjutkan perkhidmatan pemberian 1 gigabit data harian secara percuma bermula 1 Ogos sehingga 31 Disember 2021. Di samping itu, dalam menghadapi situasi yang tidak menentu akibat pandemik COVID-19, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga menyedari keperluan sokongan psikososial semasa menghadapi pandemic Covid-19. Dalam konteks ini, Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah mengadakan slot khas kesihatan mental yang disiarkan dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia setiap hari. (Kenyataan Media Menteri Komunikasi dan Multimedia, 2021)

KKMM turut mewujudkan Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) yang merupakan inisiatif penting jangka pendek bagi membantu kelangsungan dan kelestarian penggiat dan pemain industri kreatif di Malaysia sejajar dengan pembudayaan norma baharu berikutan pandemic Covid-19 dan pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa (Laman Web Rasmi Kementerian Komunikasi dan Digital).

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWK)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah mengeluarkan satu garis panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Taman Asuhan Kanak-kanak. Panduan tersebut dibangunkan sebagai rujukan kepada pengusaha TASKA dalam mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung penyebaran penyakit Covid-19. Berdasarkan panduan yang dibangunkan, terdapat beberapa aspek yang telah digariskan. Antaranya ialah dari aspek sebelum pengoperasian taska, peraturan sebelum menghantar kanak-kanak ke taska, peraturan semasa

kanak-kanak di taska dan peraturan semasa menjemput kanak-kanak di taska. Garis panduan tersebut turut menggariskan beberapa langkah jika didapati terdapatnya kes positif Covid-19 antaranya ialah taska hendaklah ditutup dengan serta merta, tidak mendedahkan identiti kakitangan, kanak-kanak ataupun ibu bapa yang dijangkiti, melakukan disinfeksi mengikut panduan KKM dan berhubung dengan Pejabat Kesihatan berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat. Taska juga hanya beroperasi apabila tahap kebersihan dan keselamatan dipatuhi dan mendapat kebenaran dari Pejabat Kesihatan Daerah. (Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Taman Asuhan Kanak-kanak)

Dalam pada itu KPWKMM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut mengeluarkan beberapa garis panduan yang lain. Pertama adalah Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit Covid-19 Di Pusat Jagaan Berdaftar (Berkediaman Dan Harian). Garis panduan ini adalah sebagai rujukan bagi mencegah penularan COVID-19 kepada pengendali pusat jagaan berdaftar sama ada berkediaman atau harian. Garis panduan tersebut telah memecahkan langkah-langkah yang perlu diambil tindakan oleh pusat pengendali pusat jagaan kepada tiga aspek iaitu sebelum, semasa dan selepas pengoperasian. Jika terdapat penghuni yang sakit, maka penghuni tersebut perlu diasingkan, diberi pelitup muka dan dikuarantin. Selain itu jika berlaku kes di kejiranan, garis panduan menetapkan bahawa tidak boleh menerima penghuni baru, mana-mana penghuni yang kurang sihat hendaklah dianggap sebagai kemungkinan kes COVID-19 sehingga mereka mendapat nasihat perubatan, mengaturkan perkhidmatan ambulan untuk memindahkan penghuni yang dikhuatiri dijangkiti ke hospital terdekat dan Penghuni yang bergejala hendaklah memakai pelitup muka.

Seterusnya, KPWKMM juga mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan Covid-19: Pengurusan Kes Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ianya diwujudkan bagi memberi panduan kepada pengurusan kesihatan jangkitan Covid-19 bagi kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan institusi apabila berurusan dengan klien jabatan. Selain itu, terdapat juga Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan Covid-19 Bagi Perkhidmatan Sosial Di Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah dikeluarkan. Garis panduan ini mendefinisi wabak sebagai keadaan di mana sekurang-kurangnya seorang kakitangan/petugas/penghuni atau peserta yang telah disahkan positif Covid-19. Jika berlaku wabak, premis hendaklah ditutup serta merta, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) perlu dimaklumkan, pelawat tidak dibenarkan dan premis hanya boleh beroperasi apabila mendapat kebenaran PKD.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) memaklumkan, garis panduan berhubung perintah kuarantin, pemberhentian kerja, kelayakan cuti dan pemeriksaan kesihatan dalam kalangan pekerja sepanjang COVID-19 termaktub mengikut Seksyen 60F dan Seksyen 60E (1B) Akta Kerja 1955. Majikan yang gagal mematuhi garis panduan dalam pengendalian isu berhubung penularan COVID-19 di tempat kerja, boleh dikenakan hukuman mengikut Akta Kerja 1955. (BHarian, 2020) Dalam pada itu juga, Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan satu Garis Panduan Bagi Mengendalikan Isu-isu Berhubung Penularan Wabak Covid-19 di Tempat Kerja. Berdasarkan garis panduan tersebut, ia telah menggariskan beberapa peruntukan di dalam Akta Kerja 1955 yang boleh digunapakai susulan daripada

penularan Covid-19. Pertama adalah Seksyen 60F di mana majikan perlu mengarahkan pekerja untuk segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan atas pembiayaan majikan. Majikan perlu memberikan cuti sakit bergaji atau kelayakan hospitalisasi sepanjang tempoh rawatan di hospital bagi pesakit yang disahkan mempunyai simptom jangkitan COVID-19. (Bharian, 2020) Bagi pekerja yang diberi arahan kuarantin melebihi tempoh kelayakan cuti sakit atau hospitalisasi, majikan digalakkan untuk memberi kemudahan bayaran tambahan kepada pekerja bagi tujuan menjaga keharmonian hubungan pekerja dan majikan. Sekiranya majikan tidak membenarkan cuti sakit bergaji, ia merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 60F. (Garis Panduan Bagi Mengendalikan Isu-isu Berhubung Penularan Wabak Covid-19 di Tempat Kerja)

Kedua adalah Seksyen 60E(1B). Mengikut Seksyen 60E (1B) pula, pekerja yang diberi perintah kuarantin atau perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah, tidak boleh dipaksa menggunakan cuti tahunan sepanjang tempoh berkenaan kerana cuti tahunan merupakan satu hak pekerja. (Garis Panduan Bagi Mengendalikan Isu-isu Berhubung Penularan Wabak Covid-19 di Tempat Kerja) Majikan juga tidak boleh melarang pekerja datang bekerja tanpa Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar kepada pekerja. Bagaimanapun, majikan boleh mengarahkan mana-mana pekerja yang tidak sihat untuk tidak hadir bekerja dan membenarkan cuti bergaji dibayar kepada pekerja tersebut. (Garis Panduan Bagi Mengendalikan Isu-isu Berhubung Penularan Wabak Covid-19 di Tempat Kerja) Garis panduan tersebut juga menyatakan bahawa sekiranya berlaku keadaan yang menyebabkan kemerosotan dalam perniagaan sehingga menyebabkan majikan mengambil tindakan untuk mengurangkan tenaga kerja atau pemberhentian pekerja, majikan perlu merujuk Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia menegaskan bahawa tindakan pemberhentian pekerja adalah langkah terakhir yang boleh diambil oleh majikan dan kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang pemberhentian pekerja sewenang-wenangnya tanpa mengikut lunas undang-undang yang berkuat kuasa (Astro Awani, 2020). Dalam pada itu, Kementerian Sumber Manusia juga memaklumkan bahawa susulan penularan COVID-19, JTKSM menubuhkan bilik gerakan pemantauan pemberhentian pekerja di peringkat jabatan untuk merekod maklumat berhubung tindakan itu di Semenanjung dan memantau maklumat situasi perburuhan yang terjejas akibat penularan wabak itu. (BHarian, 2020)

Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Akta 446) adalah akta yang berkaitan penyediaan perumahan, penginapan dan kemudahan kesihatan pekerja oleh majikan semua sektor. Bharian (2020) melaporkan bahawa akta tersebut dikuatkuasakan 1 Jun 2020 bagi mencegah penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing membabitkan semua sector. Mengikut Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara, melalui akta tersebut, kemudahan penginapan kepada pekerja perlu menepati piawaian ditetapkan bagi mengelak daripada majikan dikenakan didenda. Ini kerana beberapa kes kluster tapak bina telah dikesan di Kuala Lumpur, menunjukkan bahawa warga asing adalah golongan yang berisiko untuk dijangkiti COVID-19 memandangkan wujudnya budaya menginap secara beramai-ramai atau bersesak-sesak dalam satu unit kediaman selain tahap kebersihan premis yang kotor (Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara). Selanjutnya, menurut Menteri Sumber Manusia (pada ketika itu), Datuk Seri M Saravanan, pindaan terbaru akta tersebut diperluaskan kepada semua sektor pekerjaan yang menyediakan kemudahan perumahan dan penginapan pekerja yang mana sebelum ini akta tersebut hanya

mencakupi aspek perumahan dan penginapan pekerja di sektor perladangan yang melebihi 20 ekar (lapan hektar) dan perlombongan sahaja. (Berita Harian, 2020)

Di bawah Akta 446 juga terdapat peraturan-peraturan yang telah diwujudkan. Antaranya ialah Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020. Mengikut peraturan tersebut, bagi ruang tidur dormitori 3.0 meter persegi hanya untuk seorang pekerja manakala selain dormitori 3.6 meter persegi untuk seorang pekerja. Antara kemudahan asas yang perlu adalah katil, tilam tidak kurang 4 inci tebal, bantal, selimut dan almari berkunci tidak kurang daripada 0.35 meter panjang x 0.35 meter lebar x 0.9 meter tinggi.

Selain itu juga, Kementerian Sumber Manusia turut mengeluarkan kenyataan media mengenai kewajipan majikan untuk memastikan pekerja asing menjalani ujian pengesanan covid-19 dan dikuarantin di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Menurut kenyataan media tersebut juga, Kementerian Sumber Manusia akan membuat pemeriksaan berterusan bagi memastikan majikan mematuhi arahan melaksanakan ujian Covid-19 dan kuarantin pekerja asing. Majikan yang gagal mematuhi arahan ini boleh didenda tidak melebihi satu RM 1000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali. Majikan juga boleh dikenakan kompaun. Kementerian juga tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya majikan gagal mematuhi peruntukan Akta 342 dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta tersebut. (Kenyataan Media Kementerian Sumber Manusia, 2021)

Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 di bawah Peraturan 11 menetapkan bahawa bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di tempat kerja, seseorang pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana majikan yang mengambil kerja seseorang pekerja asing supaya menyebabkan pekerja asing itu menjalani ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), dan majikan itu hendaklah menanggung fi, kos atau caj bagi ujian itu. Ini bermakna majikan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekerja asing menjalani ujian pengesanan Covid-19. Peraturan 17 pula menetapkan bahawa mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan tersebut adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan awal kajian mendapati berlaku kelompongan undang-undang yang berlaku khususnya melalui pelaksanaan tatacara pengendalian piawai (SOP) yang kurang berkesan. Seterusnya, ketidakselarasan arahan dan SOP turut terjadi dan ini menyebabkan kekeliruan pematuhan mengenai arahan dan SOP di kalangan masyarakat Malaysia.

Aspek kelemahan penguatkuasaan undang-undang turut menyumbang kepada ketidakpatuhan arahan dan SOP yang diwujudkan. Ini dapat dilihat dengan kes-kes pelanggaran SOP jelas berlaku oleh 'orang-orang kayangan' apabila jelas dibuktikan dengan video-video status pergerakan mereka, merentasi sempadan dua negeri yang dimuat naik di laman-laman sosial 'orang-orang kayangan' ini. Walaupun tindakan undang-undang dikenakan kepada mereka yang terlibat ini di mahkamah, namun denda @ hukuman yang dijatuhkan tidak setimpal

dengan kesalahan yang telah pun mereka lakukan, sedangkan majoriti rakyat Malaysia (pada ketika itu) mengikut arahan dan SOP yang dikeluarkan sepanjang masa dan ketika.

Pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak Swasta, pihak Badan Bukan Berkanun (NGO) dan lain-lain lagi, perlu memikirkan satu langkah yang proaktif dan berkesan jika dunia pada masa kan datang dan khususnya negara kita, Malaysia yang tercinta ini diuji dengan ujian yang berat seperti wabak penyakit, kemarau panjang, peralihan cuaca yang tidak menentu, banjir besar yang mengorbankan banyak harta@nyawa atau sebarang dugaan yang melanda.

Kita perlu bersedia dari segi tahap kewangan, fasiliti@kemudahan perubatan, kemahiran menyelamat@meneruskan kehidupan dan sebagainya. Penulis faham ini bukan tugas yang mudah. Perlunya diadakan perbincangan meja bulat, bengkel ilmiah, simulasi kecemasan dan sebagainya bagi mencadangkan sesuatu tindakan yang realistik dan lebih berkesan bagi negara kita menghadapi ujian@dugaan yang dimaksudkan tadi.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, negara kita, Malaysia perlu bersedia dalam menambahbaik peraturan@garis panduan@undang-undang yang lebih berkesan dalam menghadapi ujian yang lebih berat daripada Covid-19 ini nanti. Memang benar, ujian covid-19 ini tidak pernah berlaku dalam sejarah dunia. Namun, kita tidak boleh leka @alpa dengan tidak membuat sebarang persiapan awal jika dugaan seperti Covid-19 ini terjadi lagi. Kita perlu belajar dari pengalaman sejarah hitam ini dan membuat persediaan dengan bijak dalam menghadapi ujian getir jika ia muncul pada masa yang akan datang.

PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH

Pihak penulis ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia kerana membantu pembiayaan kajian berimpak tinggi oleh penyelidik dan rakan-rakan penyelidik dalam menyiapkan kajian ini di bawah skim projek FRGS 2022-1 yang bertajuk: PEMBINAAN MODEL KEHIDUPAN NORMA BAHARU PASCA PANDEMIK COVID-19 BERASASKAN 'MALAYSIAN WELL-BEING INDEX' dengan tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia (Ruj: Geran FRGS 2022-1 KPT (FRGS/1/2022/SS10/KUIS/03/1)). Kajian ini dijalankan selama dua (2) tahun bermula pada 1 September 2022 dan dijangka berakhir pada 31 Ogos 2024.

RUJUKAN

Astro Awani, 2021, Agong Perkenan Isytihar Darurat Hingga 1 Ogos, 12 Januari 2021

Astro Awani, 2021, Ordinan Darurat: Hasilkan Berita Palsu, Denda Tidak Lebih RM100,000

Berita Harian Online, 2020, COVID-19; Nama Rasmi Coronavirus, 12 Februari, 2020

Berita Harian Online, 2020, Kronologi COVID-19 di Malaysia, 17 Mac 2020

Company Covid-19 Vaccination: Whether Refusal By Employee Justifies Termination?
[2021] 2 MLJ ccclxxi, Prof Dato'Sri Dr Ashgar Ali Ali Mohamed, Ahmad Ibrahim
Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Puteri
Sofia Amirnuddin, Fakulti Perniagaan dan Undang-undang, Universiti Taylor dan Dr
Muhamad Hassan Ahmad, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Covid-19 Di Pusat Jagaan Warga Emas
Berkediaman Kerajaan, Swasta Dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan
Pergerakan

Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11C), Akta Cukai
Pendapatan 1967 Bagi Tabung Relif Covid 19

Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit Covid-19 Di Pusat Jagaan
Berdafatar (Berkediaman Dan Harian)

Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan Covid-19: Pengurusan Kes Jabatan
Kebajikan Masyarakat

Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan Covid-19 Bagi Perkhidmatan Sosial Di
Jabatan Kebajikan Masyarakat

Garis Panduan Pengurusan Kematian Disyaki Covid-19 Di Luar Hospital Semasa Pandemi

Garis Panduan Pengurusan Wabak Covid-19 Perkhidmatan Kesihatan Pergigian

Garis Panduan Pengurusan Kolaborasi Korporat Serta Sumbangan Bagi Program Imunisasi
Covid-19 Kebangsaan (PICK)

Garis Panduan Operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Di Rumah Ibadat, 2021

Kenyataan Media Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2021

Kenyataan Media Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia, 2021

Kenyataan Media Menteri Komunikasi dan Multimedia, 29 Jun 2021

Laman Web Rasmi Kementerian Kewangan

Laman Web Rasmi Kementerian Kesihatan

Laman Web Rasmi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2020

Muhammad Iqbal Haikal Samia'an & Muhammad Umarazizi Abu Bakar, 2022, Implikasi
Covid-19 Terhadap Ekonomi Negara, Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST),
4(1): 261-270

Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No 2) 2021

Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Taman Asuhan Kanak-kanak

Pelaksanaan Undang-undang Pengawalan Penyakit Berjangkit dan Pematuhan Tatacara Pengendalian Piawai Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 11, e001983, DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1983>, Nursyayaani Mohd Salleh & Muhamad Helmi Md. Said, Faculty of Law, The National University of Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Peranan PDRM Mendepani Pandemik Covid-19 Di Malaysia: Suatu Pengajaran Untuk Dipelajari, Mohd Rizaimy Shahrudin, Noor Zahirah Mohd Sidek, Rosmaiza Abdul Ghani, Khairul Azfar Adzahar, Nurul Atikah Adnan, *Journal of Public Security and Safety* Vol. 15 No. 1/2023

Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) 2020

Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021.

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) 2020

Ulasan Perundangan-Perisytiharan Darurat Dan Covid-19, Prof. Faridah Jalil, *Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 33 KANUN (2) hlmn. 349-360, Julai 2021